

PEMUPUKAN KEMAHIRAN SOSIOEMOSI
KANAK-KANAK MELALUI AKTIVITI
MAIN PERANAN DI TADIKA
SWASTA

SITI AFFIZA BINTI MOHAMMAD

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021

PEMUPUKAN KEMAHIRAN SOSIOEMOSI KANAK-KANAK MELALUI
AKTIVITI MAIN PERANAN DI TADIKA SWASTA

SITI AFFIZA BINTI MOHAMMAD

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)

PUSAT PENYELIDIKAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK NEGARA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



Sila tanda (✓)

UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپنورسیتی قندیدیقن سلطان ادریس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**Perakuan ini telah dibuat pada 12 (hari bulan) Oktober (bulan) 2021**i. Perakuan pelajar :**

Saya, Siti Affiza binti Mohammad, M20171000958, Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak Negara (NCDRC) (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk disertasi/tesis yang bertajuk Pemupukan Kemahiran Sosioemosi Kanak-kanak Melalui Aktiviti Main Peranan di Tadika Swasta adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Dr Zaharah binti Osman (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Pemupukan Kemahiran Sosioemosi Kanak-kanak Melalui Aktiviti Main Peranan di Tadika Swasta (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

12 Oktober 2021

Tarikh

Tandatangan Penyelia





INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: Pemupukan Kemahiran Sosioemosi Kanak-kanak Melalui Aktiviti Main Peranan di Tadika Swasta.

No. Matrik /Matric's No.: M20171000958

Saya / I : Siti Affiza binti Mohammad
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

DR. ZAHARA BINTI OSMAN
Pensyarah Kanak-kanak
Jabatan Pendidikan Awal Kanak-kanak
& (Nama & Copi Pejabat / Official Stamp)

Tarikh: 12 Oktober 2021

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah, dengan izin dari Allah s.w.t., tesis ini berjaya disiapkan meski pun pelbagai liku dan ranjau terpaksa ditempuh. Pengajian ini adalah sebuah perjalanan yang panjang buat diri saya. Justeru itu, saya merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan buat Dr Zaharah Osman, Penyelia kajian yang banyak memberi tunjuk ajar, panduan dan nasihat sepanjang tempoh saya menjalankan kajian ini. Terima kasih juga diucapkan kepada para pensyarah Pusat Perkembangan Kanak-Kanak Negara (NCDRC) dan Fakulti Pembangunan Manusia (FPM) yang mencurahkan ilmu secara langsung dan tidak langsung dalam proses saya mengumpul bahan kajian, dokumentasi dan menyiapkan penulisan serta sahabat-sahabat seperjuangan yang tidak putus-putus meniupkan semangat juang. Ucapan penghargaan juga turut saya tujukan kepada ibu, suami, anak-anak, adik-beradik dan ahli keluarga saya atas kesabaran dan sokongan yang tidak berbelah bagi yang diberi sejak awal saya memulakan pengajian sehingga kini. Sesungguhnya naskhah ini saya niatkan 'Untuk Allah swt.' Semoga ada pahala kebaikan yang mengalir buat kita semua dari cebisan dan sumbangan yang tidak seberapa ini.





ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk memberi gambaran mengenai kemahiran sosioemosi kanak-kanak melalui aktiviti main peranan. Kajian dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Peserta kajian terdiri dari enam orang kanak-kanak iaitu empat orang kanak-kanak lelaki dan dua orang kanak-kanak perempuan berusia 5 tahun, serta tiga orang guru tadika dari tiga buah tadika swasta berbeza di Melaka. Aktiviti main peranan telah dijalankan menggunakan tema hospital, restoran dan kedai runcit. Kaedah kajian yang digunakan di dalam kajian ini adalah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen melalui rekod Rancangan Pengajaran Harian (RPH). Instrumen kajian yang digunakan ialah borang senarai semak untuk mengenal pasti kemahiran sosioemosi kanak-kanak sebelum dan selepas pelaksanaan aktiviti main peranan. Soalan temu bual separa berstruktur turut digunakan untuk mendapatkan pandangan dan meneroka pengetahuan guru mengenai kepentingan kemahiran sosioemosi kanak-kanak serta aktiviti main peranan. Kaedah analisis bertema telah diadaptasi. Dapatan kajian menunjukkan sebelum aktiviti main peranan kanak-kanak berada dalam keadaan belum menguasai kemahiran sosioemosi positif, namun selepas aktiviti main peranan, kanak-kanak menguasai kemahiran sosioemosi positif. Kajian juga mendapati bahawa guru kurang pengetahuan mengenai kepentingan aktiviti main peranan di tadika meskipun mereka boleh merancang dan melaksanakan aktiviti main peranan. Guru juga didapati kurang pengetahuan mengenai kemahiran sosioemosi kanak-kanak meski pun mereka menyedari perubahan sosioemosi yang berlaku. Kesimpulannya, kemahiran sosioemosi kanak-kanak dapat dirangsang ke arah yang positif melalui aktiviti main peranan. Implikasi dari kajian ini boleh dijadikan asas kepada penilaian semula aspek pemantauan, latihan dan pengukuhan yang perlu diberikan kepada guru tadika swasta bagi memperbaiki kualiti pendidikan prasekolah di Malaysia.



NURTURING CHILDREN'S SOCIOEMOTIONAL SKILLS THROUGH ROLE PLAY ACTIVITIES IN PRIVATE PRESCHOOLS

ABSTRACT

This study was conducted to provide an overview of children's socioemotional skills through role playing activities. The study was conducted using a qualitative approach with a case study design. The participants consisted of six 5 years old children, namely four boys and two girls, as well as three preschool teachers from three different private preschools in Melaka. Role play activities were conducted using the theme of hospitals, restaurants and grocery stores. The research methods used in this study are observation, interview and document analysis through the record of the Daily Teaching Plan (RPH). The research instrument used was a checklist form to identify children's socioemotional skills before and after the implementation of role play activities. Semi-structured interview questions were also used to gain insights and explore teachers' knowledge of the importance of children's socioemotional skills and role play activities. Thematic analysis methods have been adapted. The findings of the study showed that before the role play activities, children were in a state of not mastering positive socioemotional skills, but after role playing activities, children mastered positive socioemotional skills. The study also found that teachers are lacked of knowledge about the importance of role play activities in preschool even though they can plan and implement role play activities. Teachers were also found to lack knowledge about children's socioemotional skills even though they were aware of the socioemotional changes that took place. In conclusion, children's socioemotional skills can be stimulated in a positive direction through role playing activities. The implications of this study can be used as a basis to re-evaluate the aspects of monitoring, training and support that need to be provided to private preschool teachers in order to improve the quality of preschool education in Malaysia.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv



BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.3	Penyataan Masalah	12
1.4	Tujuan Kajian	20
1.4.1	Objektif Kajian	20
1.4.2	Persoalan Kajian	21
1.5	Kepentingan Kajian	21
1.6	Kerangka Konseptual Kajian	23
1.7	Batasan Kajian	25
1.8	Definisi Operasional	26



1.8.1	Kemahiran Sosioemosi	27
1.8.2	Kanak-kanak	27
1.8.3	Main Peranan	28
1.8.4	Tadika Swasta	28
1.9	Rumusan	29

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	30
2.2	Teori Yang Mendasari Kajian	31
2.2.1	Teori Erikson	31
2.2.2	Teori Vygotsky	36
2.2.3	Teori Froebel	39
2.3	Perkembangan Sosioemosi Kanak-kanak	40
2.3.1	Kemahiran Sosioemosi Kanak-kanak	42
2.4	Pendekatan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	49
2.4.1	Pendekatan Belajar Melalui Bermain	51
2.4.2	Aktiviti Main Peranan	55
2.5	Peranan Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Tadika	61
2.5.1	Pengetahuan Guru Tentang Kemahiran Sosioemosi Kanak-kanak	68
2.5.2	Pengetahuan Guru Tentang Aktiviti Main Peranan	70
2.6	Rumusan	73

BAB 3 METHODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	75
3.2	Reka Bentuk Kajian	76
3.3	Justifikasi Penggunaan Kajian Kualitatif dan Kajian Kes	77
3.4	Lokasi Kajian	81
3.5	Pemilihan Peserta Kajian	82
3.6	Prosedur Kajian	83
3.7	Kaedah Kajian	85
3.7.1	Kaedah Pemerhatian	86
3.7.2	Kaedah Temu Bual Separa Berstruktur	88
3.7.3	Kaedah Analisis Dokumen	91
3.8	Instrumen Kajian	93
3.8.1	Borang Senarai Semak	94
3.8.2	Borang Temu Bual Guru Tadika	97
3.8.3	Rancangan Pengajaran Harian	101
3.9	Tatacara Pengumpulan Data	101
3.9.1	Kaedah Pemerhatian	102
3.9.2	Kaedah Temu Bual	105
3.9.3	Kaedah Analisis Dokumen	108
3.10	Tatacara Analisis Data	109
3.11	Kredibiliti dan Kesahan Data Temu Bual (Transkrip)	117
3.12	Keboleh Percayaan Kajian	118
3.13	Isu Etika dalam Kajian	122

3.14	Rumusan	124
------	---------	-----

Bab 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	125
4.2	Ciri-ciri Demografi Peserta Kajian	126
4.3	Dapatan Kajian	128
4.3.1	Bagaimanakah Keadaan Sosioemsoi Kanak-kanak Sebelum Aktiviti Main Peranan?	129
4.3.2	Bagaimanakah Keadaan Sosioemosi Kanak-kanak Selepas Aktiviti Main Peranan?	144
4.3.3	Sejauh Manakah Pengetahuan Guru Tadika Swasta Tentang Aktiviti Main Peranan di Tadika?	157
4.3.4	Sejauh Manakah Pengetahuan Guru Tadika Swasta Tentang Kemahiran Sosioemosi Kanak-kanak Sebelum dan Selepas Aktiviti Main Peranan?	161
4.4	Rumusan	163

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	165
5.2	Rumusan Kajian	165
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	168
5.3.1	Bagaimanakah Keadaan Sosioemosi Kanak-kanak Sebelum Aktiviti Main Peranan?	168
5.3.2	Bagaimanakah Keadaan Sosioemosi Kanak-kanak Selepas Aktiviti Main Peranan?	172

5.3.3	Sejauh Manakah Pengetahuan Guru Tadika Swasta Tentang Aktiviti Main Peranan di Tadika?	177
5.3.4	Sejauh Manakah Pengetahuan Guru Tadika Tentang Kemahiran Sosioemosi Kanak-kanak Sebelum dan Selepas Aktiviti Main Peranan?	180
5.4	Implikasi Kajian	184
5.5	Cadangan	187
5.6	Rumusan	188
RUJUKAN		190
LAMPIRAN		205

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
2.1 Teori Erikson	33
3.1 Persoalan Kajian, Kaedah dan Instrumen untuk Menjawab Persoalan Kajian	86
3.2 Analisis Dokumen Rancangan Pengajaran Harian (RPH)	92
3.3 Kemahiran Sosioemosi dan Penyataan Borang Senarai Semak	95
3.4 Kemahiran Sosioemosi Kanak-kanak Sebelum Aktiviti Main Peranan	96
3.5 Kemahiran Sosioemosi Kanak-kanak Selepas Aktiviti Main Peranan	97
3.6 Protokol Temu Bual	99
3.7 Jadual Pertemuan Pemerhatian	103
3.8 Jadual Pertemuan Temu Bual Guru	106
4.1 Ciri-ciri Demografi Peserta Kajian (Murid)	126
4.2 Ciri-ciri Demografi Peserta Kajian (Guru Tadika)	127
4.3 Tabulasi Pemerhatian Sebelum Aktiviti Main Peranan: Aktiviti 1 (Menyanyi)	130
4.4 Tabulasi Pemerhatian Sebelum Aktiviti Main Peranan: Aktiviti 2 (Menulis)	131
4.5 Tabulasi Pemerhatian Sebelum Aktiviti Main Peranan: Aktiviti 3 (Permainan Bebas)	132
4.6 Jadual Temu Bual Guru Tadika	143
4.7 Tabulasi Dapatan Kajian Pemerhatian Selepas Aktiviti Main Peranan Bertema Hospital	146

4.8	Tabulasi Dapatan Kajian Pemerhatian Selepas Aktiviti Main Peranan Bertema Restoran	147
4.9	Tabulasi Dapatan Kajian Pemerhatian Selepas Aktiviti Main Peranan Bertema Kedai Runcit	148

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	24
2.1 Zon Perkembangan Proksimal (ZPD)	37
3.1 Reka Bentuk Kajian	77
3.2 ‘Word Cloud Frequency’ Dari Perisian N’Vivo	115
3.3 Kerangka Frekuensi Perkataan Dari Perisian N’Vivo	116
4.1 Tema Utama Dapatan Kajian	128
4.2 Contoh RPH Yang Dihasilkan oleh Guru	161

SENARAI SINGKATAN

IPH	<i>Institute of Public Health</i>
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
NAEYC	<i>National Association for the Education of Young Children</i>
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
WHO	<i>World Health Organization</i>

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pendidikan Prasekolah di Malaysia adalah berkonsepkan pembelajaran yang tidak formal dan bertujuan untuk memberi pendedahan awal tentang suasana persekolahan kepada kanak-kanak. Pendidikan prasekolah di Malaysia menurut Arrifin, Kadir, Ibrahim, Halim dan Abdullah (2010), telah diinstitusikan ke dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan berikutan Akta Pendidikan 1996 yang bertujuan untuk menyuburkan potensi kanak-kanak dalam semua aspek perkembangan sejak awal usia sebagai persediaan awal kanak-kanak sebelum memasuki alam sekolah rendah. Prasekolah sering kali dirujuk sebagai institusi pendidikan awal kanak-kanak yang dikendalikan oleh pihak kerajaan. Manakala institusi pendidikan awal kanak-kanak yang dikendalikan oleh pihak swasta di Malaysia lebih dikenali sebagai tadika. Proses pembelajaran di peringkat awal ini memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian kanak-kanak. Malah pengalaman yang dilalui di peringkat awal sama ada di



prasekolah mahu pun di tadika mampu memberi impak yang tinggi kepada proses pembelajaran dan perkembangan sosioemosi kanak-kanak di masa hadapan melalui kemahiran-kemahiran yang diperolehi pada peringkat ini.

Pendidikan awal memberi peluang kepada kanak-kanak untuk belajar dan menguasai kemahiran sosioemosi dengan lebih baik. Kanak-kanak tidak hanya belajar bagaimana perilaku yang betul daripada orang dewasa, tetapi juga belajar dengan memerhati dan bermain dengan kanak-kanak yang lain. Hadir ke prasekolah atau tadika memberi peluang kepada kanak-kanak untuk berinteraksi dengan sekumpulan kanak-kanak yang sebaya dengan mereka, memerhati dan belajar dari kanak-kanak lain secara tidak langsung, belajar dari guru secara langsung dan tidak langsung. Realitinya, kanak-kanak belajar semasa interaksi kanak-kanak dengan kanak-kanak dan juga sesi pembelajaran yang dijalankan oleh guru. Tambahan pula, guru merupakan individu yang mempunyai penglibatan langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta terlibat dengan pertemuan secara bersemuka dengan kanak-kanak (Nawawi, Jasmi, Mohamed & Shukor, 2019).

Menurut Abdul, Ismail, Mohamad dan Osman (2019), kemahiran sosioemosi kanak-kanak dapat dikembangkan dengan pelaksanaan kaedah pembelajaran dan pengajaran yang sesuai oleh guru. Malah, kemahiran sosioemosi kanak-kanak dipengaruhi oleh proses pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan serta berjalan dalam persekitaran yang kondusif. Ia dipercayai mampu menarik minat kanak-kanak untuk belajar dan juga membantu ke arah meningkatkan kemahiran sosioemosi yang lebih memberangsangkan (Abdul et al., 2019).





Selain itu, kaedah pengajaran yang diterapkan oleh seseorang guru menurut Luen (2017) mampu memberi impak yang besar terhadap pembentukan perwatakan imej sendiri seseorang kanak-kanak di peringkat persekolahan. Menurut Vafa dan Ismail (2017), suasana persekitaran yang kurang memberangsangkan seperti suasana pengajaran yang membosankan boleh mewujudkan tingkah laku negatif dalam diri seseorang individu sekaligus menghalang pembentukan kemahiran sosioemosi kanak-kanak yang positif. Justeru, perhatian yang khusus wajar diberikan dalam aspek pemilihan kaedah pembelajaran kanak-kanak di peringkat awal terutama sekali dalam usaha mewujudkan suasana persekitaran yang kondusif.

Menurut Damanhuri (2017), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menghasilkan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang memberi penekanan terhadap pendekatan belajar melalui bermain dalam proses pembelajaran kanak-kanak di samping pendekatan-pendekatan yang lain. Malah, menurut Jantan (2013) dan Erikson (1985), kanak-kanak bermain kerana mereka mempunyai daya imaginasi yang tinggi dan bermain merupakan antara proses yang membantu membentuk kemahiran sosioemosi mereka. Justeru, pendekatan belajar melalui bermain dalam proses pembelajaran kanak-kanak amatlah wajar dilaksanakan. Lebih-lebih lagi, ia juga menurut Mariani (2013) mampu memberikan kegembiraan dan kepuasan kepada kanak-kanak. Menurut Moyles (2015) pula, bermain adalah pengalaman pengajaran dan pembelajaran yang terbaik serta mesti menjadi keutamaan dalam pendidikan awal kanak-kanak. Namun, sejauh manakah kaedah pembelajaran dan pengajaran melalui pendekatan belajar melalui bermain ini diaplikasi dalam pembelajaran kanak-kanak di peringkat tadika di Malaysia masih boleh diterokai lagi. Malahan, menurut Whitebread et al. (2017), meskipun terdapat banyak kajian lepas



yang menerokai aspek pembelajaran kanak-kanak dengan pendekatan belajar melalui bermain, namun dapatan kajian–kajian lepas masih sedikit dan belum memberi dapatan yang konklusif.

Terdapat pelbagai jenis aktiviti belajar melalui bermain yang boleh dilaksanakan oleh guru-guru di tadika. Antaranya adalah aktiviti main peranan yang lebih santai dan dekat dengan jiwa kanak-kanak. Aktiviti main peranan juga boleh mendorong kanak-kanak melakukan perluahan emosi di samping berinteraksi dan bersosial dengan kanak-kanak sepermainan yang lain. Justeru itu, dalam kajian ini pengkaji berminat untuk mengkaji mengenai kemahiran sosioemosi kanak-kanak melalui aktiviti main peranan yang dijalankan di tadika.



menggunakan reka bentuk kajian kes. Pendekatan kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen telah dijalankan untuk mendapatkan data secara menyeluruh. Dapatan kajian kemudiannya dianalisis menggunakan pendekatan analisis bertema. Dapatan kajian ini dibincangkan secara mendalam oleh pengkaji di dalam bab empat dan bab lima.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kanak-kanak ditakrifkan oleh National Association for The Education of Young Children (NAEYC) sebagai individu dalam lingkungan usia lahir sehingga mencecah usia lapan tahun. Menurut takrifan Dasar Perlindungan Kanak-kanak Negara pula,



kanak-kanak adalah mana-mana individu yang berusia di bawah 18 tahun selaras dengan Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611). Kajian ini akan memberi fokus terhadap kanak-kanak tadika. Dalam konteks pendidikan di Malaysia, kanak-kanak tadika terdiri dari kanak-kanak yang berusia lima dan enam tahun (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2016).

Namun demikian secara lazimnya, kanak-kanak di Malaysia akan melalui pengalaman awal pendidikan di tadika pada usia empat hingga enam tahun (Arrifin et al., 2010) sama ada di prasekolah kerajaan atau tadika swasta. Pengalaman dan pembelajaran yang berkesan serta menyeronokkan pada fasa ini akan memberi kemahiran, keyakinan, membentuk sikap serta sosioemosi yang positif sebagai bekalan untuk mereka menempuh fasa persekolahan yang seterusnya dan ketika mereka meningkat dewasa.

Hal ini kerana kejayaan sesebuah negara bukan diukur dari aspek kemajuan teknologi dan ekonomi semata-mata, malah aspek pembangunan sosial yang melibatkan nilai, sosioemosi dan rohani warganegaranya turut perlu diberi keutamaan (Baharuddin & Omar, 2019). Tambahan pula, menurut Rahim dan Abdullah (2016), terdapat keperluan yang mendesak untuk mendidik generasi hari ini menjadi insan berguna yang mempunyai perkembangan serta kemahiran sosioemosi yang positif. Pada era globalisasi ini, Malaysia memerlukan sumber modal insan yang dapat membangunkan negara untuk bersaing di peringkat global kerana cabaran kehidupan yang semakin besar. Umumnya, tamadun manusia yang terbentuk pada masa akan datang bergantung kepada generasi yang ada pada masa sekarang.



Melalui pembentukan dasar pendidikan di Malaysia, dapat dilihat bahawa matlamat pendidikan tadika di negara kita adalah satu rancangan yang meletakkan batu asas kepada proses pembelajaran, perkembangan dan kemahiran kanak-kanak. Ia bertujuan untuk menyuburkan potensi kanak-kanak dalam semua aspek pertumbuhan dan perkembangan diri secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu. Memandangkan kanak-kanak merupakan aset negara pada masa hadapan, usaha ini adalah wajar supaya mereka menjadi warganegara yang berintegriti dan dapat mendukung wawasan negara. Usaha kerajaan adalah untuk memastikan bahawa institusi pendidikan tadika mampu untuk menghasilkan kanak-kanak yang berkualiti yang mempunyai keseimbangan dari aspek jasmani, emosi, rohani dan sosial sebagaimana yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, seterusnya membina kekuatan sumber manusia agar hasrat yang ingin dicapai terhasil dengan jayanya.



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) pada tahun 2010 dan melakukan semakan semula pada tahun 2016 (KPM, 2016). Ini sejajar dengan dasar baru di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 (KPM, 2016). Semakan ini dilakukan bagi memastikan kualiti kurikulum yang dilaksanakan di peringkat tadika memenuhi keperluan semasa dan setanding dengan standard antarabangsa. Ia dikenali sebagai KSPK 2017. Antara yang diberi penekanan di dalam KSPK 2017 adalah penyepaduan untuk melahirkan insan yang seimbang dari segenap sudut termasuk sosioemosi mereka. KSPK 2017 turut berhasrat memberi kanak-kanak pengetahuan, kemahiran dan nilai yang mencukupi melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang disediakan oleh guru sama ada di dalam atau di luar bilik darjah.





KSPK digubal berdasarkan teori pembelajaran kanak-kanak dan prinsip amalan yang bersesuaian dengan perkembangan mereka. Kandungan KSPK 2017 adalah berasaskan enam tunjang iaitu Tunjang Komunikasi; Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai; Tunjang Kemanusiaan; Tunjang Fizikal dan Estetika; Tunjang Sains dan Teknologi; dan Tunjang Keterampilan Diri (KPM, 2016). Keenam-enam tunjang ini merupakan domain utama yang saling menguat di antara satu sama lain bagi membangunkan modal insan yang berkualiti. Menurut Hassim, Chua, Majid, Jelas dan Yusof (2012), kurikulum pendidikan negara amat menitik beratkan perkembangan bahasa dan komunikasi, perkembangan kerohanian dan moral, perkembangan sosioemosi, perkembangan fizikal, perkembangan kreativiti dan estetika serta perkembangan kognitif dalam proses pembelajaran tadika. Kewujudan kesemua domain jelas menunjukkan keutamaan kerajaan untuk memastikan pembangunan perwatakan yang positif dalam kalangan kanak-kanak di peringkat tadika.

Ini turut dapat dilihat daripada KSPK 2017, yang mencadangkan sembilan pendekatan yang boleh digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran iaitu pembelajaran berpusatkan kanak-kanak, belajar melalui bermain, pembelajaran berasaskan inkuiri, pendekatan bersepadu, pendekatan bertema, pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran masteri, pembelajaran kontekstual dan pembelajaran berdasarkan kepelbagaian kecerdasan. Pendekatan-pendekatan ini dipercayai dapat membantu perkembangan dan meningkatkan kemahiran kanak-kanak secara menyeluruh. Daripada kesembilan pendekatan proses pengajaran ini, KSPK 2017 memberi lebih penekanan kepada pendekatan belajar melalui bermain di tadika.





Dapatan kajian Rahman dan Nor (2018) mendapati bahawa guru-guru tadika menyambut positif KSPK yang meraikan hak kanak-kanak yang masih kecil untuk bermain dan bersosial. Dapatan ini menyokong dapatan kajian Abu dan Leong (2014) yang menyatakan bahawa sikap positif guru terhadap pelaksanaan KSPK menyebabkan guru berkenaan cemerlang dalam melaksanakan tugas mereka.

Namun demikian, perubahan zaman, kepesatan teknologi dan arus globalisasi menjadikan tugas guru semakin mencabar. Dalam menghadapi arus ledakan dan perubahan pendidikan di zaman ini, guru memainkan peranan penting dalam memastikan kanak-kanak dapat menguasai pembelajaran di tadika. Guru tidak hanya bertanggungjawab membantu kanak-kanak di dalam akademik semata-mata malah perlu memainkan peranan yang lebih besar untuk membina sahsiah, peribadi dan sosioemosi kanak-kanak (Sidek, Mohamed & Yunos, 2011). Namun, tugasan ini semakin mencabar apabila kajian yang dijalankan oleh Saleh, Aziz, Mahmud dan Mahyuddin (2010) mendapati bahawa ibu bapa meletakkan kejayaan anak mereka sebagai kejayaan dalam bidang akademik semata-mata dan ia diterima sebagai penanda aras terhadap pencapaian dan kecemerlangan seorang kanak-kanak sedangkan akademik bukannya satu-satunya pencapaian yang patut diukur terutamanya di peringkat tadika.

Lantas guru perlu memainkan peranan mereka dengan lebih berkesan bagi membantu meningkatkan kemahiran kanak-kanak dengan lebih menyeluruh bermula sejak di tadika lagi. Ia dilihat penting terutamanya dalam menyemai perkembangan dan kemahiran sosioemosi kanak-kanak yang akhirnya akan membantu mereka membuat pertimbangan dengan baik dalam kehidupan. Guru perlu mewujudkan suasana





pembelajaran yang kondusif, menggunakan pelbagai pendekatan dalam pengajaran bagi menarik minat kanak-kanak untuk belajar serta merangsang seluruh aspek perkembangan dan kemahiran kanak-kanak agar mereka dapat mencapai tahap perkembangan yang sesuai dengan usia mereka. Hal ini menuntut guru-guru untuk mempunyai pengetahuan dan kefahaman mengenai tahap perkembangan dan kemahiran kanak-kanak. Guru-guru juga perlu mempunyai pengetahuan dan kefahaman mengenai pelbagai pendekatan dan kaedah yang sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran di tadika. Apatah lagi guru adalah insan yang terdekat dengan kanak-kanak, selain ibu bapa dan keluarga di rumah. Dalam erti kata lain, guru merupakan ibu bapa kedua bagi kanak-kanak terutamanya kanak-kanak tadika. Oleh itu, pengetahuan dan kefahaman guru juga menjadi faktor yang besar dalam pembentukan sikap dan sosiemosi kanak-kanak.



Melalui Tunjang Keterampilan Diri, guru diberi tanggungjawab untuk membina kemahiran sosioemosi kanak-kanak secara berkesan. Ia boleh dilakukan dengan mewujudkan ruang pembelajaran samada terancang atau secara spontan. Tunjang ini penting bagi membantu kanak-kanak untuk mengenali dirinya sendiri, mengurus emosi, mengawal tingkah laku, menghormati kepelbagaian emosi dan pandangan orang lain, bijak bersosial dalam hidup bermasyarakat serta membina keyakinan diri untuk menghadapi cabaran dalam kehidupan. Ia termasuk juga proses untuk kanak-kanak belajar membawa diri dalam masyarakat seterusnya berfungsi secara positif di dalam masyarakat. Kelompongan pendidikan perkembangan dan kemahiran sosioemosi pastinya akan memberi kesan kepada kehidupan mereka kelak (Sulaiman, Sumari, Halili, Khalid & Razak, 2019). Lebih-lebih lagi, kajian yang dijalankan oleh Malti dan Noam (2016) mendapati bahawa kemahiran sosioemosi yang baik merupakan teras





kepada pertumbuhan dan perkembangan manusia. Justeru adalah tidak mengejutkan apabila kerajaan berusaha keras untuk memastikan suasana pembelajaran di sekolah adalah kondusif dan mampu membantu perkembangan dan meningkatkan kemahiran sosioemosi di semua peringkat umur terutamanya di tadika.

Dalam pada itu, pendekatan dalam pengajaran untuk menyampaikan ilmu pengetahuan merupakan penghubung antara guru dan kanak-kanak yang sentiasa mempengaruhi dan berinteraksi antara satu sama lain. Pendekatan yang baik membolehkan kanak-kanak memperolehi ilmu pengetahuan, kemahiran, mengubah perilaku, menggalakkan minat dan nilai-nilai baik yang ingin dimiliki. Kanak-kanak akan menimba pengalaman belajar yang lebih bermakna sekiranya mereka terlibat secara aktif di dalam setiap aktiviti yang dijalankan.



Pendekatan belajar melalui bermain menurut Makantal (2012) adalah satu pendekatan pembelajaran yang menggunakan teknik bermain dalam menyampaikan sesuatu isi pembelajaran. Pendekatan ini digunakan kebanyakannya dalam proses pembelajaran kanak-kanak selaras dengan tahap perkembangan dan kemahiran mereka. Hal ini kerana bermain adalah salah satu aktiviti penting bagi kanak-kanak, yang mana mengikut Puteh dan Ali (2011) merupakan fitrah seseorang kanak-kanak untuk bermain. Semasa bermain, kemahiran sosioemosi mereka akan terbina. Malahan, bermain dapat membantu kanak-kanak berimajinasi dan meningkatkan kreativiti mereka. Di samping itu Vygotsky (1978) di dalam Lindon (2001), percaya bahawa setiap jenis permainan mempunyai komponen imaginasi tersendiri dan peraturan permainan tersebut terletak di dalam ruang lingkup elemen imaginasi seseorang individu ketika bermain. Lantas, pendekatan belajar melalui bermain dipercayai mampu





membantu ke arah pembentukan kemahiran sosioemosi yang positif dan juga mampu memberi pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan kepada kanak-kanak (Puteh & Ali, 2011). Sementelahan, belajar melalui bermain juga mampu merangsang kemahiran sosioemosi dan meningkatkan potensi kanak-kanak ke tahap maksimum semasa aktiviti tersebut dijalankan (KPM, 2016).

Pelbagai aktiviti belajar melalui bermain boleh dilaksanakan oleh kanak-kanak untuk meningkatkan kemahiran mereka. Bagi menyokong perkembangan sosioemosi yang sejahtera dan membina kemahiran sosioemosi yang positif di kalangan kanak-kanak, KSPK menyarankan agar guru-guru tadika merancang aktiviti yang memberi pengalaman yang menyubur dan menyeronokkan, melibatkan kanak-kanak secara aktif dan selamat (KPM, 2016). Guru amat digalakkan untuk menggunakan kreativiti dalam



memilih, menyusun, mengolah dan mempelbagaikan aktiviti yang dijalankan. Antara aktiviti yang sesuai dan menepati ciri-ciri ini adalah aktiviti main peranan.

Main peranan merupakan satu aktiviti alternatif kepada realiti sebenar di mana kanak-kanak menjiwai watak yang dimainkan (Vardi-Rath, Lewin, Cohen, Aillenberg & Eylon, 2016). Selain itu, aktiviti ini juga memberi pengalaman kreatif kepada seorang kanak-kanak yang akhirnya akan menjadi asas kepada pembentukan seorang dewasa yang kreatif (Russ, 2014). Selain dapat membina kreativiti kanak-kanak, aktiviti main peranan juga berlangsung dalam suasana yang interaktif. Lantas, membantu kanak-kanak untuk lebih peka dengan keadaan sosioemosi mereka sendiri dan juga persekitaran.





Namun, meski pun banyak kajian telah dijalankan terhadap kaedah main peranan dalam pembelajaran namun kebanyakan kajian memberi tumpuan pada aspek komunikasi dan pergaulan berbanding aspek sosioemosi (Joyce, Weil & Calhoun, 2009). Justeru itu, pengkaji menjalankan kajian ini dengan bertujuan untuk mengkaji mengenai kemahiran sosioemosi kanak-kanak melalui aktiviti main peranan yang dijalankan di tadika.

1.3 Penyataan Masalah

Dari sudut pendidikan awal, pembinaan kemahiran sosioemosi yang baik adalah suatu yang amat penting ke arah melahirkan generasi yang kompeten dalam segala aspek kehidupan. Menurut Weiten (2020), kemahiran sosioemosi kanak-kanak diukur dari aspek kemampuan mereka mengenali emosi sendiri, mengurus emosi, memotivasi diri, mengenali emosi orang lain, dan menjalin hubungan sosial. Lebih-lebih lagi, menurut Pekrun dan Linnenbrink-Gracia (2014), kemahiran sosioemosi seseorang kanak-kanak mempengaruhi perbuatan mereka. Lantas, proses pembelajaran yang kondusif yang mampu membantu meningkatkan kemahiran sosioemosi mereka amat diperlukan. Kemampuan untuk menyediakan suasana pembelajaran yang selaras dengan keperluan mereka adalah amat penting dalam usaha kerajaan memerangi masalah berkaitan sosioemosi khususnya dalam kalangan kanak-kanak di negara ini. Usaha tersebut perlu dijalankan secara berterusan bagi memastikan setiap aspek sosioemosi kanak-kanak berkembang dengan baik.





Namun demikian, data yang dikeluarkan oleh Kajian Morbidity Kesihatan Peringkat Kebangsaan (*Institute for Public Health* [IPH], 2015) dan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi terkini yang dijalankan pada tahun 2019 amatlah membimbangkan dan memberi gambaran bahawa kemahiran sosioemosi kanak-kanak tidak terbentuk dengan baik. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa bilangan kanak-kanak yang mengalami masalah kesihatan mental di negara ini adalah amat tinggi sehingga diistilahkan sebagai epidemik tersembunyi (IPH, *National Institute of Health* [NIH] & *Ministry of Health* (MOH), 2020). Masalah kesihatan mental yang disebutkan dalam kajian IPH (2015) dan IPH et al. (2020) pada pandangan pengkaji adalah bermula dari masalah pembentukan kemahiran sosioemosi yang negatif di kalangan kanak-kanak. Ini dapat dilihat dari data kajian IPH et al. (2020) di mana 42.9% kanak-kanak mempunyai masalah interaksi dengan rakan sebaya, 15.9% mempunyai masalah tingkah laku dan 8.3% kanak-kanak menghadapi masalah emosi. Masalah interaksi bersama rakan-rakan juga menunjukkan peningkatan sebanyak 10.4% iaitu 32.5% pada tahun 2015 dan 42.9% pada tahun 2019.

Masalah interaksi, masalah tingkah laku dan masalah emosi ini tidak selari dengan kemahiran sosioemosi yang ditekankan di dalam Tunjang Keterampilan KSPK 2017 yang memberi penekanan kepada kanak-kanak untuk mengenali dan mengurus emosi sendiri serta membina kemahiran sosial yang baik (KPM, 2016). Ternyata peratusan-peratusan dari kajian yang dijalankan oleh IPH (2015) dan IPH et al. (2020) memberi gambaran yang jelas tentang keadaan sosioemosi kanak-kanak. Ia memberi gambaran bahawa sesuatu yang serius sedang dan akan terus berlaku. Justeru, hal ini adalah amat membimbangkan sekiranya ia dipandang mudah oleh pihak kerajaan dan juga pendidik. Memandang kanak-kanak hari ini merupakan generasi yang akan





membesar dan bakal memegang tonggak kepimpinan negara, maka perkara ini perlu dipandang serius, diberi perhatian sewajarnya dan ditangani dengan segera menggunakan cara yang berkesan.

Dalam pada itu, kemahiran sosioemosi menurut definisi Pertubuhan Kesihatan Sedunia, *World Health Organization* (WHO, 2018) merupakan tahap di mana seseorang itu menyedari keupayaan dirinya, boleh menguruskan tekanan biasa di dalam kehidupan seharian, dapat bekerja secara produktif dan menyumbang kepada masyarakat. Kemahiran sosioemosi kanak-kanak adalah berbeza dengan kemahiran sosioemosi orang dewasa dan perlu dilihat dari pelbagai sudut berikutan fasa perkembangan yang sedang dialami oleh kanak-kanak itu sendiri. Kemahiran sosioemosi kanak-kanak meliputi kesejahteraan hidup dan perkembangan yang optimum dari sudut emosi, tingkah laku, sosial dan juga domain perkembangan mereka (Barwick & Urajnik, 2013).

Membantu kanak-kanak mencapai tahap kemahiran sosioemosi yang positif merupakan tanggungjawab dan kerjasama dari pelbagai pihak termasuk kerajaan, ibu bapa, guru dan masyarakat. Kanak-kanak yang mempunyai kemahiran sosioemosi positif akan lebih mudah berkembang dari sudut emosi, membina hubungan sosial yang efektif dengan orang lain dan berkeupayaan untuk menguruskan masalah yang mereka hadapi dalam kehidupan seharian (Ghandour et al., 2019). Sebaliknya, kemahiran sosioemosi yang negatif memberi pengaruh yang besar terhadap perkembangan kanak-kanak, pendidikan dan keupayaan mereka untuk menikmati kehidupan secara optimum serta produktif (Sheehan, 2017). Mereka juga menghadapi cabaran apabila berhadapan dengan stigma dari orang di sekeliling mereka, dipulaukan atau didiskriminasi (Gould,





2016). Jika berlaku, ia pasti menjadi suatu cabaran yang besar, berat dan menyedihkan buat kanak-kanak. Hal ini merupakan sesuatu yang asing bagi kanak-kanak dan kemahiran sosioemosi ini perlu dibina melalui proses pembelajaran dalam kehidupan seharian mereka (Weiten, 2020). Lantas, perhatian yang sewajarnya perlu diberi perhatian terutamanya dari sudut pendidikan bagi memastikan masalah kemahiran sosioemosi yang dilalui oleh kanak-kanak di negara ini dapat ditangani dengan efektif dan tidak menjejaskan kehidupan mereka.

Malahan, WHO (2018) mencadangkan penyediaan persekitaran yang stabil sebagai salah satu langkah membantu meningkatkan kemahiran sosioemosi positif di kalangan kanak-kanak. Lebih-lebih lagi menurut kajian IPH (2015), masalah yang dilalui oleh kanak-kanak di negara ini berpunca daripada faktor persekitaran, sekolah, keluarga, rakan-rakan, faktor genetik atau keadaan sosioemosi kanak-kanak yang tidak stabil. Lantas menunjukkan keperluan penting untuk penyediaan suasana pembelajaran yang kondusif dan kajian menyeluruh untuk mengenal pasti aspek pembelajaran yang sesuai dengan keperluan kanak-kanak.

Antara pendekatan yang interaktif dan boleh membantu meningkatkan kemahiran sosioemosi kanak-kanak adalah pendekatan belajar melalui bermain seperti yang digariskan di dalam KSPK 2017. Ia bersesuaian dengan fitrah kanak-kanak, menyeronokkan serta kurang memberi tekanan kepada mereka. Bermain membantu kanak-kanak dalam semua sudut kemahiran dan perkembangan serta membantu mereka mencapai '*milestone*' perkembangan tersebut (Whiteman, 2018). Melalui bermain, kanak-kanak meneroka minat mereka, meluahkan rasa gembira, menangani rasa takut



dan kesedihan mereka (Edwards, 2017). Perkara ini sekaligus dapat mengurangkan masalah sosioemosi yang dialami oleh kanak-kanak (Yusof, 2015).

Walau bagaimanapun, kajian yang dijalankan oleh Ismail (2015) menyatakan bahawa meski pun terdapat pelbagai pendekatan dalam pembelajaran yang menyeronokkan dalam pendidikan tadika, namun sebahagian besar guru tidak memberi penekanan terhadap pendekatan-pendekatan tersebut. Ini kerana guru-guru kurang mendapat pendedahan dan pengetahuan tentang cara-cara melaksanakan pendekatan tersebut (Zain, 2015). Kanak-kanak juga tidak berpeluang untuk membina kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk membantu mereka membesar sebagai orang dewasa yang cemerlang dari sudut kemahiran sosioemosi kerana mereka lebih banyak menerima pembelajaran secara pasif seperti amalan latih tubi (Zain, 2015). Kajian terkini yang dijalankan oleh Mohsin dan Rahim (2019) mendapati guru lebih banyak bergantung kepada buku-buku dan lembaran kerja. Hal ini secara tidak langsung bukan sahaja boleh mengurangkan minat kanak-kanak untuk belajar malah ia juga mampu memberi pengaruh negatif dalam membina kemahiran sosioemosi kanak-kanak. Lantas, kajian menyeluruh yang memberi penekanan terhadap pengetahuan guru mengenai pendekatan dalam pembelajaran terutamanya pendekatan belajar melalui bermain wajar dilaksanakan.

Selain itu, menurut Vafa dan Ismail (2017), persekitaran yang kurang memberangsangkan seperti suasana pengajaran dan pembelajaran yang membosankan boleh mewujudkan tingkah laku negatif seperti mengasingkan diri dan tidak patuh arahan. Kanak-kanak akan merasa bosan, motivasi mereka menurun dan mereka tidak dapat menerima sepenuhnya ilmu yang disampaikan melalui teknik pengajaran

berbentuk '*chalk and board*' (Razak, 2017). Kajian yang dijalankan oleh Arshad dan Ching (2017) pula mendapati bahawa kaedah pengajaran konvensional yang diamalkan oleh kebanyakan guru gagal menarik minat kanak-kanak dalam proses pembelajaran. Ini menyokong dapatan Haron (2014) bahawa amalan pengajaran yang mengikut turutan tanpa mengambil kira nilai keseronokan hanya akan membosankan kanak-kanak dan tidak dapat menarik minat mereka. Tambahan pula, kajian yang telah dijalankan oleh Tee dan Nor (2018) turut mendapati bahawa persekitaran tadika yang formal dan berstruktur dengan terlalu banyak penekanan kepada pencapaian akademik adalah bertentangan dengan prinsip perkembangan kanak-kanak dan juga KSPK itu sendiri. Polemik ini pastinya membimbangkan.

Tambahan pula kepercayaan guru tentang praktis yang ideal juga bertentangan dengan praktis sebenar di tadika membuktikan bahawa guru-guru tadika masih kurang menggunakan pendekatan yang dicadangkan di dalam KSPK termasuk pendekatan belajar melalui bermain dalam pengajaran dan pembelajaran. Kanak-kanak akan merasa bosan, motivasi mereka menurun dan mereka tidak dapat menerima sepenuhnya ilmu yang disampaikan melalui pengajaran berbentuk '*chalk and talk*' (Razak 2017). Lantas menggesa kajian yang lebih mendalam bagi memastikan penekanan berlebihan terhadap aspek pencapaian akademik kanak-kanak dapat diubah dari lanskap pendidikan negara, serta memberi lebih tumpuan kepada pendekatan belajar melalui bermain.

Turut diambil kira adalah cadangan dari Masbol (2012) yang mencadangkan agar kajian mengenai keberkesanan pelaksanaan aktiviti yang merangsang kemahiran sosioemosi kanak-kanak dapat dijalankan. Menurut Masbol (2012), kajian mengenai



keberkesanan pelaksanaan aktiviti berkaitan kemahiran sosioemosi kanak-kanak adalah amat perlu dijalankan kerana sikap dan kefahaman guru terhadap kemahiran sosioemosi kanak-kanak tidak dapat menghuraikan keberkesanan pelaksanaan aktiviti pengajarannya. Malah menurut Masbol (2012), guru tadika menunjukkan sikap sederhana dalam pengajaran Tunjang Keterampilan Diri yang menyokong pembentukan kemahiran sosioemosi positif kanak-kanak kerana kurang pengetahuan dan kemahiran, tiada sokongan dari pihak atasan, kurang bahan bantu mengajar dan tiada pentaksiran yang sesuai digunakan. Apabila guru mempunyai kurang pengetahuan mengenai kemahiran sosioemosi kanak-kanak, mereka pastinya tidak dapat membantu kanak-kanak merangsang kemahiran tersebut ke tahap yang sepatutnya. Lantas menyebabkan kanak-kanak sering menunjukkan tingkah laku yang tidak terkawal, tidak dapat mengurus emosi dengan baik, kurang berkeyakinan dan tidak dapat berinteraksi dengan orang-orang di sekeliling mereka (Abdul et al., 2019). Terkini, kajian IPH et al. (2020) turut mencadangkan agar guru-guru tadika diberi pengetahuan dan dilatih untuk mengesan tanda-tanda awal masalah kemahiran sosioemosi di kalangan kanak-kanak. Agensi-agensi yang terlibat dengan pendidikan dan kebajikan kanak-kanak perlu mengakui bahawa masalah ini benar-benar wujud dan perlu mengambil tindakan sewajarnya.

Pelbagai aktiviti belajar melalui bermain boleh diadaptasi dan dilaksanakan oleh guru di tadika bagi membantu meningkatkan kemahiran sosioemosi mereka. Apatah lagi, pendekatan belajar melalui bermain ini boleh dilaksanakan merentasi semua tema dan subjek pembelajaran. Salah satu aktiviti belajar melalui bermain yang boleh dilaksanakan di tadika adalah aktiviti main peranan. Hal ini kerana aktiviti main peranan adalah berbentuk interaksi responsif yang membantu meningkatkan kemahiran





sosioemosi kanak-kanak kerana kanak-kanak akan berinteraksi di antara satu sama lain apabila mereka memberi tindak balas (Robertson, Yim & Paatsch, 2018). Lantas membina kemahiran sosial di kalangan mereka. Kemahiran sosioemosi ini adalah sebuah kemahiran yang membantu kanak-kanak untuk belajar bekerjasama, berdikari, empati dan melakukan perkara yang diharapkan oleh orang dewasa (Abdullah, 2001). Namun demikian, tidak banyak kajian yang meneroka mengenai keberkesanan pelaksanaan aktiviti main peranan di tadika terutamanya dalam membantu kanak-kanak meningkatkan kemahiran sosioemosi mereka.

Kajian yang pernah dijalankan di luar negara menunjukkan bahawa kanak-kanak yang pernah menjalankan aktiviti main peranan akan menjadi lebih kreatif, selesa dan menunjukkan kemahiran sosioemosi yang lebih baik apabila aktiviti tersebut dijalankan pada kali kedua (Howe, Abuhatoum & Chang-Kredl, 2014). Justeru menunjukkan keperluan dan kepentingan aktiviti main peranan dalam suasana pembelajaran kanak-kanak di tadika. Kemampuan memahami manfaat serta kepentingan aktiviti main peranan dalam pembelajaran dipercayai mampu memberi gambaran dalam memahami kemahiran sosioemosi kanak-kanak.

Dalam pada itu, meski pun KSPK 2017 telah menyediakan garis panduan yang lengkap mengenai pendidikan tadika di Malaysia, namun pemantauan mengenai pelaksanaan dan keberkesanannya masih boleh diperbaiki terutamanya di tadika swasta. Apatah lagi kebanyakan kajian yang dijalankan oleh pengkaji lepas kurang memberi tumpuan terhadap tadika swasta. Lebih membimbangkan apabila ramai di kalangan guru-guru tadika swasta masih belum diwajibkan untuk mempunyai latar belakang pendidikan awal kanak-kanak. Ini menyebabkan pengetahuan guru mengenai



kemahiran sosioemosi kanak-kanak dan aktiviti belajar melalui bermain seperti aktiviti main peranan boleh diragukan. Pasti ia membataskan kemampuan guru untuk memainkan peranan secara berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran seterusnya merangsang kemahiran sosioemosi kanak-kanak dengan baik.

Hal ini lantas mendorong pengkaji untuk mengisi kosongan kajian dalam aspek kemahiran sosioemosi kanak-kanak di samping mengisi kekurangan kajian yang mengkaji mengenai kesan pelaksanaan aktiviti main peranan sebagai salah satu aktiviti pendekatan belajar melalui bermain yang berkesan terutamanya dalam penyelidikan di peringkat tadika swasta di Malaysia.

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji mengenai kemahiran sosioemosi kanak-kanak sebelum dan selepas aktiviti main peranan yang dijalankan di tadika swasta. Ia juga bertujuan untuk mengkaji tentang pengetahuan guru mengenai aktiviti main peranan di tadika serta pengetahuan guru tentang kemahiran sosioemosi kanak-kanak sebelum dan selepas aktiviti main peranan di tadika.

1.4.1 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mencapai objektif–objektif berikut:

- a) Mengkaji keadaan sosioemosi kanak-kanak sebelum aktiviti main peranan.

- b) Mengkaji keadaan sosioemosi kanak-kanak selepas aktiviti main peranan.
- c) Meneroka mengenai pengetahuan guru tadika swasta tentang pelaksanaan aktiviti main peranan di tadika.
- d) Meneroka mengenai pengetahuan guru tadika swasta tentang kemahiran sosioemosi kanak-kanak sebelum dan selepas aktiviti main peranan.

1.4.2 Persoalan Kajian

Persoalan kajian dibentuk setelah pengkaji meneliti setiap objektif yang dikemukakan.

Antara persoalan yang perlu dirungkaikan melalui kajian ini adalah:

- a) Bagaimanakah keadaan sosioemosi kanak-kanak sebelum aktiviti main peranan?
- b) Bagaimanakah keadaan sosioemosi kanak-kanak selepas aktiviti main peranan?
- c) Sejauh manakah pengetahuan guru tadika swasta tentang aktiviti main peranan di tadika?
- d) Sejauh manakah pengetahuan guru tadika swasta tentang kemahiran sosioemosi kanak-kanak sebelum dan selepas aktiviti main peranan?

1.5 Kepentingan Kajian

Peredaran zaman yang berlaku dengan pesat memerlukan masyarakat yang kreatif dan stabil dari sudut pengurusan sosioemosinya agar mereka dapat mendepani apa jua cabaran yang mendatang sama ada ia datang dalam keadaan yang disedari atau tidak.

Apatah lagi dengan perkembangan teknologi yang pesat dan cabaran globalisasi hari ini. Tambah membimbangkan apabila statistik hasil Kajian Morbidity Kesihatan Peringkat Kebangsaan (IPH, 2015) dan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (IPH et al., 2020) memberi refleksi yang tidak baik mengenai keadaan sosioemosi kanak-kanak sehingga mengistilahkan sebagai epidemik tersembunyi. Terdapat keperluan yang sangat mendesak untuk memastikan kemahiran sosioemosi seorang kanak-kanak berkembang dengan baik sesuai dengan usianya supaya mereka dapat membesar sebagai seorang dewasa yang kompeten yang mampu menghadapi segala cabaran norma baru kehidupan. Pelbagai pendekatan boleh dilakukan untuk menyuburkan kemahiran sosioemosi kanak-kanak sejak awal usia mereka termasuklah melalui aktiviti main peranan di tadika.

sosioemosi kanak-kanak dari perspektif guru dan kanak-kanak di peringkat tadika itu sendiri. Lantas, hasil kajian ini diharap dapat membantu meningkatkan kualiti didikan di tadika terutamanya di dalam mengembangkan kemahiran sosioemosi seorang kanak-kanak. Di samping itu, ia juga diharap mampu meningkatkan kesedaran guru tadika untuk mewujudkan persekitaran didikan yang dapat memenuhi keperluan kanak-kanak dalam memupuk kemahiran sosioemosi mereka secara positif. Malah kajian ini juga diharap mampu menjadi bahan rujukan kepada guru-guru tadika dalam usaha mempelbagaikan kaedah didikan di institusi masing-masing bagi menarik minat kanak-kanak sebagai bekalan buat kanak-kanak mengharungi setiap cabaran dalam kehidupan.


Selain dari itu, kajian ini juga dapat dijadikan sebagai kayu ukur untuk membantu mengenal pasti aspek-aspek latihan kepada guru tadika yang perlu diberi

perhatian dan diperbaiki berhubung dengan kemahiran sosioemosi kanak-kanak, pendekatan belajar melalui bermain dan juga pelaksanaan aktiviti main peranan di tadika. Latihan ini termasuklah latihan yang diberikan oleh pihak kerajaan, badan–badan swasta dan latihan dalam institusi tadika itu sendiri supaya aktiviti main peranan yang dijalankan lebih efektif, berkesan dan mencapai objektif yang disasarkan. Malah, secara tidak langsung mampu menjadi bahan rujukan untuk memahami konsep main peranan dalam pengajaran dan pembelajaran di kalangan kanak-kanak tadika.

Secara kesimpulannya, rumusan dapatan kajian ini diharap dapat menarik minat lebih ramai pengkaji untuk mengkaji mengenai kemahiran sosioemosi kanak-kanak dan menaik taraf kualiti pendidikan awal kanak-kanak melalui kaedah main peranan selain mampu menjadi sebagai bahan pengukur dalam proses penggubalan akta pendidikan di

1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian meliputi keseluruhan konstruk kajian yang melibatkan kemahiran sosioemosi kanak-kanak melalui aktiviti main peranan. Berdasarkan objektif dan Soalan Kajian 1 (SK1), Soalan Kajian 2 (SK2), Soalan Kajian 3 (SK3) serta Soalan Kajian 4 (SK4) yang dibentuk, berikut adalah kerangka konsep bagi kajian ini.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka kajian dibina berdasarkan objektif kajian yang mana bertujuan untuk mengkaji mengenai kemahiran sosioemosi kanak-kanak sebelum dan selepas aktiviti main peranan. Berdasarkan kerangka kajian ini, impak terhadap kemahiran sosioemosi kanak-kanak berperanan sebagai pemboleh ubah bergantung yang dipengaruhi oleh tiga pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah sederhana. Tiga pemboleh ubah bebas iaitu pengetahuan guru dalam pelaksanaan aktiviti main peranan, keadaan sosioemosi kanak-kanak sebelum aktiviti main peranan dan pengetahuan guru mengenai kemahiran sosioemosi kanak-kanak dipercayai akan memberi impak terhadap kemahiran sosioemosi kanak-kanak dengan bantuan aktiviti main peranan sebagai pemboleh ubah sederhana.

Berdasarkan kerangka konseptual ini, setiap konstruk dikenal pasti dengan kewujudan tema dan sub tema tertentu berdasarkan dapatan kajian yang melibatkan keadaan sosioemosi kanak-kanak selepas aktiviti main peranan. Tema dan sub tema



yang dikenal pasti dapat digunakan sebagai panduan pelaksanaan aktiviti main peranan oleh guru-guru di tadika kelak.

1.7 Batasan Kajian

Batasan kajian yang utama bagi kajian ini adalah kekurangan dapatan kajian untuk memberi gambaran secara keseluruhan tentang masalah yang dikaji berdasarkan proses pemilihan tadika bagi tujuan projek penyelidikan. Memandangkan kajian ini dijalankan secara kajian kes dan berdasarkan kesudian peserta untuk menyertai kajian, maka dapatan kajian ini mungkin tidak mampu memberi gambaran keseluruhan tentang keadaan kemahiran sosioemosi kanak-kanak di Malaysia. Selain itu hasil kajian mungkin berbeza dengan kajian yang dijalankan di tadika lain bergantung kepada populasi kanak-kanak, latar belakang keluarga, sikap guru dan program yang ditawarkan di tadika tersebut.

Tambahan pula, kajian ini hanya menumpukan kepada tinjauan pandangan pelaksanaan aktiviti main peranan terhadap kemahiran dan perkembangan sosioemosi kanak-kanak di tadika swasta dan tidak melihat kesan aktiviti main peranan ke atas domain perkembangan kanak-kanak yang lain seperti perkembangan kognitif, perkembangan Bahasa atau perkembangan fizikal. Maka, dapatan kajian mungkin berbeza sekiranya ia melihat ke atas domain perkembangan kanak-kanak yang lain. Selain itu, kajian ini tidak mengawal beberapa pemboleh ubah seperti peserta kajian, sikap, status sosioekonomi dan pemboleh ubah yang mungkin boleh menjelaskan



tentang pandangan dan tahap pengetahuan guru tadika terhadap pelaksanaan aktiviti main peranan serta kemahiran sosioemosi kanak-kanak.

Di suatu sudut yang lain, kajian ini hanya memberi fokus kepada aktiviti main peranan dan tidak melihat tentang keberkesanan aktiviti lain di tadika yang mungkin juga membantu merangsang kemahiran sosioemosi kanak-kanak.

Di samping itu, segala maklumat yang diperolehi adalah berdasarkan pemerhatian pengkaji dan maklum balas guru tadika yang terlibat. Oleh itu, kebolehpercayaan dan ketepatan kajian ini bergantung kepada keprihatinan dan kejujuran peserta kajian terhadap pernyataan semasa temu bual dijalankan dan semasa menghasilkan Rancangan Pengajaran Harian (RPH). Selain itu, kajian juga ini tidak dapat menerangkan tentang sebab, kesan dan keberkesanan aktiviti main peranan dari perspektif pemboleh ubah dan kajian kuantitatif.

Namun, biar pun kajian ini berhadapan dengan beberapa limitasi kajian, namun hal ini telah berjaya diatasi oleh pengkaji dan akan diterangkan dengan lebih mendalam di dalam bab tiga.

1.8 Definisi Operasional

Berikut merupakan definisi operasional bagi beberapa istilah yang digunakan di dalam kajian ini iaitu:

1.8.1 Kemahiran Sosioemosi

Kemahiran menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (2000) bermaksud kebolehan atau kepandaian. Kemahiran sosioemosi kanak-kanak tadika adalah komponen-komponen kecekapan yang ingin dicapai dalam perkembangan sosiomosi kanak-kanak berusia 4 hingga 6 tahun yang membantu kesediaan kanak-kanak untuk belajar di dalam kelas (White & Walker, 2018).

Kemahiran sosioemosi yang dimaksudkan di dalam kajian ini adalah kebolehan seorang kanak-kanak untuk mengenal dan mengurus emosi sendiri, mengenali emosi orang lain, membina konsep sendiri yang positif, berkebolehan mengawal diri, membina keyakinan untuk berkomunikasi, memahami keperluan, perasaan dan pandangan orang lain serta mengguna kemahiran sosial dalam interaksi.

1.8.2 Kanak-kanak

Seperti yang disebutkan di dalam Dasar Perlindungan Kanak-kanak Negara, kanak-kanak adalah mana-mana individu yang berusia di bawah 18 tahun selaras dengan Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611). Dalam konteks pendidikan di Malaysia, kanak-kanak tadika adalah terdiri dari kanak-kanak yang berusia lima dan enam tahun (KPM, 2017).

Kanak-kanak yang dimaksudkan di dalam kajian ini ialah mereka yang berumur antara lima tahun (4+) dan enam tahun (5+) yang hadir ke tadika swasta.

1.8.3 Main Peranan

Cecchini (2007) mendefinisikan aktiviti main peranan sebagai aktiviti bermain di mana kanak-kanak menerima dan menugaskan sesuatu peranan serta melakonkannya di luar skop realiti, berlakon menjadi seseorang atau sesuatu yang berbeza dari diri mereka, menjadikan satu situasi lebih dramatis serta bertindak mengikut watak yang mereka pilih untuk lakonkan atau watak yang diberikan kepada mereka. Aktiviti main peranan juga merujuk kepada penggunaan objek, bahan, peralatan atau perbuatan secara simbolik yang mempunyai kualiti seperti berlaku dalam suasana sebenar (Chaudry & Dissanayake, 2015).

Aktiviti main peranan yang dimaksudkan di dalam kajian ini adalah aktiviti di mana kanak-kanak bermain secara kreatif bersama sekumpulan kanak-kanak lain di dalam persekitaran yang merangsang mereka untuk melakonkan watak tertentu di tadika. Tema yang digunakan di dalam aktiviti main peranan bagi kajian ini adalah hospital, restoran dan kedai runcit.

1.8.4 Tadika Swasta

Tadika bermaksud institusi pendidikan swasta yang menyediakan pelbagai pendekatan dalam pembelajaran kanak-kanak yang berumur empat hingga enam tahun (KPM, 2016). Swasta pula bermaksud sektor perusahaan yang dimiliki oleh pertubuhan bukan kerajaan atau individu dan ianya tidak dikawal oleh kerajaan (DBP, 2000).



Justeru, tadika swasta yang dimaksudkan di dalam kajian ini adalah institusi pendidikan untuk kanak-kanak berusia empat hingga enam tahun yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), namun tidak dimiliki oleh pihak kerajaan.

1.9 Rumusan

Secara kesimpulanya, bab ini menerangkan tentang objektif dan persoalan kajian selain turut memperkenalkan kerangka konseptual bagi kajian yang dijalankan. Bab ini juga menerangkan tentang kepentingan kajian di samping limitasi dan permasalahan kajian yang memotivasikan pengkaji untuk terus menjalankan kajian. Kajian literatur dan metodologi kajian akan diterangkan secara mendalam di dalam bab 2 dan bab 3.

Manakala, bab 4 dan bab 5 akan menerangkan dapatan dan kesimpulan pengkaji mengenai kajian ini.

